



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	25/10/2019	MUKA SURAT	:	51
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

*Kes kematian gajah
Pygmy Borneo*

Gading ditemui dalam semak kawasan ladang

Beluran: Gading dipercayai milik bangkai gajah Pygmy Borneo yang ditemui mati di sebuah ladang di Beluran, dijumpai berhampiran lokasi kejadian, kelmarin.

Dalam kejadian pada jam 1 tengah hari itu, gading terbabit ditemui pekerja dalam kawasan semak di ladang berkenaan.

Ketua Polis Daerah Beluran, Superintendan Kasim Muda, berkata sebaik menerima maklumat, sepasukan polis bersama pengurus ladang dikerah ke lokasi penemuan untuk pemeriksaan.

Katanya, sebaik tiba di lokasi, gading berkenaan diperiksa sebelum diambil untuk membantu siasatan lanjut.

"Setakat ini, tiada tangkapan dilakukan dan polis masih mencari maklumat berkaitan suspek kes ini.

"Dalam masa sama, sekali lagi, polis menegaskan tiada sebarang peluru ditemui dalam badan gajah terbabit ketika bedah siasat dan ini menolak kemungkinan punca kematian adalah akibat tembakan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Bagaimanapun, Kasim berkata, punca kematian sebenar masih belum dapat dipastikan dan polis memohon orang awam yang mempunyai maklumat berhubung insiden itu diminta tampil bagi membantu siasatan.

Terdahulu, pada Sabtu lalu, bangkai seekor gajah ditemui dengan lima kesan luka disyaki akibat ditembak.

**Polis tegaskan
tiada sebarang
peluru ditemui
dalam badan gajah
terbabit ketika bedah
siasat dan ini menolak
kemungkinan punca
kematian adalah
akibat tembakan.**

Kasim Muda,
Ketua Polis Daerah Beluran